

# 'Najib turun kempen risau karier politik terkubur'

BH - 25/2/2019 m/s 13

[FOTO ASYRAF HAMZAH /BH]

➔ Bekas PM  
khuatir rakyat  
lupakannya:  
Muhyiddin



**Muhyiddin meninjau kawasan sekitar balai raya** ketika menghadiri program sembang santai bersama di Balai Raya Kampung Sungai Lalang, Hulu Langat, semalam.

## Hulu Langat

**B**ekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, turun berkempen kebelakangan ini kerana bimbang karier politiknya terkubur.

Timbalan Presiden Pakatan Harapan (PH), Tan Sri Muhyiddin Yassin, mendakwa Najib khuatir rakyat melupakannya, terutama UMNO diterajui Timbalan Presiden yang menjalankan tugas Presiden, Datuk Seri Mohamad Hassan.

"Saya mengandaikan jika Na-

jib tidak keluar (berkempen), orang akan lupa kepadanya. Mungkin beliau minat jadi Perdana Menteri semula sebab itu buat kemunculan.

"Kita tak bimbang, cuma nak ingatkan kembali apa berlaku dalam negara yang menyebabkan BN kalah. Salah satunya ialah Perdana Menteri yang dulu itu.

"Orang tak lupa dan dia sudah pun dikaitkan dengan pelbagai skandal, tuduhan yang dikemukakan di mahkamah. Jadi saya nak ingatkan balik supaya kita tidak lupa," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang media selepas menghadiri program sembang santai sempena kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih di Kampung Baru Semenyih di sini, semalam.

### Tak wajar lupa penyelewengan

Muhyiddin berkata, rakyat tidak wajar melupakan penyelewengan dan kesalahan yang dilakukan Najib sehingga negara dibelenggu pelbagai masalah.

"Jangan dilupakan (skandal kerajaan terdahulu) dan sebab itu bila dah selesai pilihan raya

umum, kita lupa faktor itu, setakat itu saja. Jadi elok pada PRK ini, kita mengingatkan balik kepada rakyat," katanya.

Terdahulu, Muhyiddin dalam ucapannya hanya Pakatan Harapan (PH) mampu membawa rakyat memperoleh kehidupan yang lebih baik.

"Masa depan rakyat Malaysia lebih terjamin di bawah PH sebab itu PRK DUN Semenyih ini amat penting untuk menolak BN. Jangan dengar cakap Najib.

"Jika nak 'selfie', silakan tetapi jangan lupa beliau adalah kleptokrasi nombor satu yang merosakkan negara," katanya.